

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



Suara

MITASA

*Adab Sebagai Asas
Kecemerlangan Akademik
dan Pembentukan Sahsiah*

*Biar Wasiat Jadi
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:
Prestasi Pekerja Dalam
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan
Graduan Teknologi
Maklumat Dalam Dunia
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi
Perkhidmatan - Membentuk
Insan Adabi Cemerlang*



PERJUANGAN YANG BERTERUSAN



- Sebagai usaha memperluas capaian pembaca dan mendukung pemeraksanaan ilmu, MITASA turut bekerjasama dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dalam memuat naik bahan penulisan warga UiTM ke Repositori Institusi UiTM.
- Pihak PTAR telah hadir ke Pejabat MITASA bagi membincangkan kerjasama tersebut dengan lebih mendalam pada 20 Jun 2025.
- Pertemuan dihadiri oleh Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin, Setiausaha MITASA, Prof Madya Dr Faridah Hussain, Bendahari, Ts Nor Azlin Rosli dan Ketua Pengarang Suara MITASA, Encik Shahrudin Mohmud dan Editor Bersekutu Suara MITASA, Puan Haliza Ab Ghani dan Eksekutif Media, Puan Siti Fatimah Awang
- Pihak PTAR diwakili oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Adlina Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP), Puan Rizana Mohd Radwan, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP), Puan Nor Hafizah Md Hanafiah dan Pembantu Pustakawan Tertinggi, Encik Faiz Azuan Harun.

Suara MITASA dimasukkan dalam repositori perpustakaan UiTM

- Inisiatif ini menyokong pencapaian UiTM dalam penarafan Web of Repositories peringkat dunia, di samping membantu meningkatkan nilai penilaian MyATP warga akademik melalui sumbangan kepada sumber ilmiah universiti.
- Suara MITASA kini dikeluarkan dua kali setahun iaitu Edisi Januari-Jun dan Julai-Disember. Majalah ini juga telah mendapat International Standard Serial Number (ISSN) hujung tahun 2024.
- Kini Suara MITASA maju lebih luas dengan adanya kerjasama yang terjalin dengan PTAR ini bagi memastikan ia memberi manfaat yang berguna kepada ahli-ahli dan pembaca dari seluruh pelusuk dunia.

THE
STARTING
POINT
OF ALL
ACHIEVEMENT
IS

DESIRE.

- Napoleon Hill